



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (03 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **21 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut adalah di Daerah Kuching (12), Miri (3), Lawas (3) dan Lundu (3). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 927 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

I. Daerah Kuching (12 Kes Baharu).

a) Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Greenhill (8 Kes Baharu)

Terdapat lapan (8) kes baharu yang dikesan melibatkan Kluster Greenhill. Kesemua kes dikesan melalui saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 yang telah dikenal pasti. Perincian kes adalah seperti berikut:

- i. Enam (6) orang kes merupakan kontak rapat kepada kes Ke-877 yang telah dilaporkan pada 31 Oktober 2020. Kes-kes ini telah menjalani saringan di klinik kesihatan kerajaan pada 1 November 2020 dan telah disahkan pada 2 November 2020. Dua orang daripada mereka telah mengalami demam dan batuk pada 31 Oktober dan 1 November 2020.
- ii. Satu (1) kes merupakan seorang wanita warga tempatan yang merupakan rakan kepada kes Ke-832. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah menjalani saringan COVID-19 di klinik kesihatan kerajaan pada 1 November 2020.
- iii. Satu (1) kes merupakan seorang lelaki warga tempatan yang mempunyai kontak dengan kes ke-876. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes ini juga telah menjalani saringan COVID-19 di klinik kesihatan kerajaan pada 1 November 2020.

Kes-kes ini berumur dalam lingkungan 20 hingga 60 tahun. Kes-kes ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

**b) Kes Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi (1 Kes)
(Kes Import-B)**

Kes merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah pulang dari Selangor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-1) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) pada 22 Oktober 2020. Kes telah menjalani saringan COVID-19 setibanya di KIA dan ujian rT-PCR kes adalah negatif untuk jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin hotel untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

Kes telah menjalani ujian saringan kedua pada 31 Oktober 2020 dan ujian rT-PCR pada hari ke-10 kes ini telah didapati positif pada 2 November 2020. Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut, Kes dikategorikan sebagai Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di Selangor.

c) Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Wisma Saberkas (3 Kes Baharu)

Ketiga-tiga kes ini merupakan warganegara tempatan yang menjalankan perniagaan elektronik di bangunan Wisma Saberkas.

Ketiga-tiga kes ini dikesan melalui saringan pengesanan kes secara aktif (ACD) yang telah dijalankan pada 2 November 2020. Kes-kes ini terdiri daripada tiga orang wanita yang berumur dalam lingkungan 55 hingga 60 tahun.

Kesemua kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes-kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesanan kontak kepada kes-kes ini sedang dijalankan dan punca jangkitan masih dijalankan.

II. Daerah Miri (3 Kes Baharu)

a) Kes Saringan Bagi Kontak Kluster Greenhill (2 Kes Baharu)

- i. Seorang (1) kes merupakan rakan kepada kes Ke-829 yang telah dikesan melalui saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19. Kes ini tidak mengalami tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

- ii. Seorang (1) kes merupakan rakan kepada kes Ke-829 yang pernah makan bersama dan telah dikesan melalui saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19. Kes ini juga tidak mengalami tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kedua-dua kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan berkaitan dengan Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

b) Kes Saringan Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19 (1 Kes Baharu)

Kes ini rupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bertugas sebagai pemandu kepada pekerja minyak dan gas di Daerah Miri. Kes ini telah disaring kerana mempunyai kontak rapat kepada kes-kes Ke-828, 830 dan 831 yang telah dilaporkan pada 28 Oktober 2020.

Kes ini telah disaring pada 30 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR kes didapati positif pada 02 November 2020. Kes tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

III. Daerah Lawas (3 Kes Baharu)

a) Kes balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Kes Import-B)

Ketiga-tiga (3) kes ini merupakan sebuah keluarga warganegara tempatan yang baru balik dari Daerah Beaufort, Sabah. Mereka telah balik ke Lawas melalui ICQ Merapok pada 29 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin hotel untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari.

Kes-kes ini adalah bapa, emak dan anak yang masing-masing berumur dalam lingkungan 1 tahun dan 27 tahun. Emak kepada anak berumur 1 tahun ini adalah seorang guru di sebuah Kolej Vokasional di Sabah.

Kes telah menjalani saringan pada 31 Oktober sama di pusat kuarantin dan ujian rT-PCR mereka didapati positif pada 02 November 2020. Kes-kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kesemua kes telah dirujuk ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes-kes dikatogorikan sebagai Import B iaitu mendapat jangkitan dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu Sabah.

IV. Daerah Lundu (3 kes)

a) Pengesahan Kes Secara Aktif (ACD) di Kampung Teluk Melano, Lundu (3 Kes Baharu)

Hari ini, tiga (3) kes baharu telah dikesan melalui saringan pengesahan kes secara aktif (ACD) yang telah dijalankan di Kampung Teluk Melano, di Daerah Lundu.

Kes-kes ini terdiri daripada warganegara tempatan, dua orang wanita dan seorang lelaki yang masing-masing dalam lingkungan umur 34 hingga 62 tahun. Kesemua kes ini telah disaring pada 1 November 2020 dan didapati positif pada 2 November 2020.

Dua orang kes telah mengalami demam dan batuk mulai 30 dan 31 Oktober 2020. Kesemua ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sawarak untuk rawatan lanjut. Aktiviti pengesahan kes secara aktif telah dijalankan di Kampung Teluk Melano berikutan satu kes positif telah dikesan dan dilaporkan pada 30 Oktober 2020 iaitu kes Ke-871.

Setakat 3 November 2020, jam 12:00 tengah hari sejumlah 333 individu yang telah disaring di Teluk Melano adalah seperti berikut:

- 4 kes positif (ternasuk kes Ke-871)
- 244 individu negatif saringan COVID-19
- 85 individu masih menunggu keputusan.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, tiada (0) kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat enam (6) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 30 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 2,943 individu telah disaring, iaitu:

- 30 kes dikesan positif COVID-19;
- 2,730 individu negatif; dan
- 183 individu yang masih menunggu keputusan.

ii) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan sepuluh (10) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 62 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 692 individu telah disaring, dimana:

- 62 kes dikesan positif COVID-19;
- 630 individu negatif

iii) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.

Hari ini, terdapat tiga (3) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai sebelas (11) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 531 individu telah disaring, dimana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19;
- 10 individu negatif; dan
- 510 individu yang masih menunggu keputusan.

iv) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Selada di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

vi) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua kes ini didiscaj dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **763** orang atau **82.42%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **145** orang iaitu:

- 117 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 23 kes di Hospital Miri;
- Tiga (3) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.05%**.

Hari ini **66 PUI** baru telah dilaporkan dan **lapan (8)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 111 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Lundu, Miri dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **tujuh (7) kompaun** di Daerah Lawas (5), Miri (1) dan Padawan (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **115 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (23), MPP (21), DBKU (19), SMC (15), MD Marudi (14), SRDC (10), MBKS (7), MD Serian (5) dan MB Miri (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,668 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (238), Restoran (296), Kilang (8), Bank (131), Pejabat Kerajaan (63), Penjaja (32), Pasar Tani/Awam (68), Tempat Ibadah (77), Tempat Riadah (46), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (690).

Seramai **518 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (243), ATM (32), RELA (124), APM (79), PBT (33), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,367** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
03 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	906	Kes sedang dirawat di hospital	145	15.64%
Kes Baharu	21	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	148,773	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	927	Jumlah kes kematian	19	2.05%
IR per 100,000 penduduk	30.05	Kes telah sembuh dan discaj	763	82.31%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	42		66	10,206
Menunggu keputusan	8		8	

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	117	2	3	23	0	145
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	2	0	0	0	2
	Kumulatif	633	39	46	43	763
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	9	3	1	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	15	6,754	12	591	2	468	0	12	111	124	111
Jumlah		15	6,754	12	591	2	468	0	12	111	124	111

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	3	261	3	7	0	3	0	0	4	4	4
2	Miri	43	903	3	50	0	30	0	1	19	19	10
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
Jumlah		46	1,197	6	68	0	42	0	2	24	24	15

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	576	0	114	0	109	0	4	1	1	0
2	Bintulu	0	316	0	49	0	46	0	0	3	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	1	121	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	3	24	3	7	0	4	0	0	3	3	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	1	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		5	2,255	3	268	0	253	0	5	10	10	0

Jumlah Besar	66	10,206	21	927	2	763	0	19	145	158	126
---------------------	-----------	---------------	-----------	------------	----------	------------	----------	-----------	------------	------------	------------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **258 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **25 buah hotel** adalah seramai **2,291 orang**. Manakala seramai **29,147 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 03.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,350)	Hock Lee	112
2		Kuching Park	69
3		Hilton	292
4		Harbour View	265
5		Riverside (Astana Wing)	241
6		Tune Hotel	86
7		Dormani Hotel	43
8		Grand Continental	178
9		Meritin	64
10	Miri (557)	Mega Hotel	86
11		Imperial Palace	156
12		Eastwood Valley	57
13		Meritz	87
14		Miri	34
15		Dynasty	104
16		Citi Hotel	33
17	Bintulu (112)	Wasan Inn	17
18		Kidurong Inn	31
19		Motel Kapok	45
20		Faber Inn	19
21	Limbang (156)	Purnama	63
22		Seri Malaysia (Lawas)	75
23		Shangshan (Lawas)	0
24		Mandarin (Lawas)	18
25	Sibu (116)	Premier	116
Jumlah PUS			2,291

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **10 lokasi di Kuching (3), Miri (2), Sarikei (2), Samarahan (1), Bintulu (1) dan Sibu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,906 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 03.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	3	625
2	Miri	2	359
3	Sibu	1	188
4	Samarahan	1	126
5	Bintulu	1	121
6	Sarikei	2	117
7	Limbang	TIADA	87
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	51
Jumlah Keseluruhan			1,906

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **62 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 03.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	9
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	4
5	MP Sibu	9
6	BDA	7
7	MCC	13
8	MD Marudi	5
9	MD Lawas	9
Jumlah		62